

NO. SOALAN: 53

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI
[SIPITANG]**

TARIKH : 13 MAC 2018

SOALAN :

YB. Datuk Sapawi Bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sejauh mana Kementerian sudah mengambil tindakan terhadap agen-agen umrah palsu yang menipu jemaah sehingga menyebabkan banyak kes jemaah terkandas sama ada sebelum berlepas atau ketika berada di tanah suci.

113

**JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan mentadbir urus industri pelancongan melalui Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482]. Berkaitan dengan pengendalian umrah/ziarah, Akta 482 dan perundangan subsidiari akta memberi kuasa kepada Kementerian untuk melesenkan perniagaan pengendalian pakej umrah/ziarah, memantau dan menguatkuasakan perkara-perkara yang berkaitan dengan lesen tersebut.

Berkaitan kes-kes penipuan melibatkan agen-agen palsu, Kementerian hanya boleh mengambil tindakan ke atas pihak terlibat berdasarkan peruntukan sedia ada Akta 482. Siasatan dan tindakan lanjut juga diambil ke atas pihak-pihak yang turut didapati bekerjasama dengan agen-agen palsu khususnya agensi pengendalian umrah/ziarah yang berlesen mahupun yang tidak berlesen dengan Kementerian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh 2012 sehingga 2017, Kementerian telah mengambil tindakan kompaun berjumlah RM515,500 ke atas 97 kes berkaitan umrah. Bagi tahun 2017, sebanyak 18 kes telah dikompaun dengan jumlah RM129,500 atas pelbagai kesalahan iaitu:

- a. bekerjasama dengan agensi pelancongan tanpa lesen (8 kes);
- b. menjalankan perniagaan tanpa lesen (3 kes);

- c. membuka cawangan tanpa lesen (4 kes);
- d. menjalankan perniagaan bukan seperti yang dilesenkan (1 kes);
- e. tidak membuat perjanjian dengan jemaah (1 kes); dan
- f. tidak mematuhi spesifikasi iklan yang ditetapkan (1 kes).

Tuan Yang di-Pertua,

Kes-kes penipuan pakej umrah melibatkan agen-agen palsu adalah di bawah bidang kuasa Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang mana kesalahan tersebut merupakan satu jenayah di bawah Kanun Keseksaan. Setakat ini, statistik PDRM bagi penipuan kes umrah/ziarah yang telah diambil tindakan di bawah Kanun Keseksaan bagi tempoh 2012 hingga 2017 merekodkan 296 kes dengan nilai kerugian dianggarkan berjumlah RM11.8 juta, manakala statistik Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) bagi tuntutan pengguna berkaitan pakej umrah/ziarah untuk tempoh yang sama telah mencatatkan sebanyak 3,770 kes tuntutan dengan nilai tuntutan berjumlah RM23.21 juta

Sekian, terima kasih.